

**Persoalan Niat, Guru dan Ilmu dalam Belajar:
Suatu Analisis terhadap MSS 2906(B) *Tibyān al-Marām*
(Issues Regarding Intention, Teacher and Knowledge in Learning:
An Analysis of MSS 2609(B) *Tibyān al-Marām*)**

Mohd Anuar Mamat
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
anuarmamat@usim.edu.my

Abstrak

Persoalan niat dalam belajar merupakan perkara paling asas dalam tradisi Pendidikan Islam Alam Melayu. Namun begitu, ia masih lagi mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat tentang tujuan seseorang itu belajar. Kekeliruan ini bertambah serius dengan kemunculan beberapa faham asing yang menyempitkan tujuan belajar dan menjelaskan usaha tersebut adalah untuk tujuan material, gunaan dan kebanggaan. Begitu juga kekeliruan berlaku dalam aspek pemilihan guru dan ilmu. Walhal semua aspek ini amat penting dan ia banyak mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Justeru, artikel ini akan membincangkan persoalan niat dan ketepatan pemilihan guru dan ilmu dalam belajar menurut salah satu manuskrip Melayu, iaitu MSS 2906(B) *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. Pemilihan manuskrip ini disebabkan ia merupakan satu-satunya manuskrip khusus dan ekstensif yang membicara pendidikan Islam Alam Melayu. Kajian ini mengaplikasi metode kualitatif dengan melakukan analisis mendalam terhadap kandungan teks manuskrip Melayu MSS 2906(B). Berdasarkan analisis kandungan tersebut, dapat disimpulkan bahawa niat yang paling utama dalam belajar ialah memperoleh reda Allah SWT di samping tujuan berkaitan ukhrawi dan duniawi yang lain. Begitu juga, kitab *Tibyān al-Marām* menegaskan bahawa para pelajar perlu memberi perhatian dan membuat pemilihan guru, ilmu dan kitab yang tepat dalam mengikuti proses belajar. Terdapat beberapa atribut guru yang perlu diperhatikan oleh para pelajar dan empat kategori ilmu yang perlu dijadikan asas semasa memilih ilmu yang ingin dipelajari. Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pelajar tentang tujuan sebenar pendidikan Islam serta pemilihan guru dan ilmu semasa pengajian. Artikel ini juga selanjutnya akan meneroka pelbagai kajian lanjutan berkaitan pendidikan Islam dalam khazanah warisan masyarakat Melayu-Islam.

Kata kunci: Adab Belajar, Kurikulum Pendidikan Islam, Guru, *Tibyān al-Marām*, Kajian Manuskrip

Abstract

Issues regarding intention in learning are fundamental in Islamic Education tradition of Malay Archipelago, however, remain unsettled among the community. The misconception about intention, selection of teachers and knowledge are exacerbated by the emergence of various thoughts that aiming for material, usefulness and pridefulness in learning. Therefore, this article will discuss the issues regarding intention, selection of teachers and knowledge in learning according to Malay manuscripts, the MSS 2906(B) *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. This manuscript is selected because it was the only manuscript that specifically and comprehensively discussing about Islamic education in Malay Archipelago. This research applied qualitative method and content analysis of Malay manuscript MSS 2906(B). Based on the analysis of this manuscript, it can be concluded that the most important intention in learning is solely to seek the pleasure of Allah on top of other ukhrawi and duniawi related purposes. This book also emphasizes the importance of correct selection of teachers, knowledge and books in learning process. There are several teacher attributes and four categories of knowledge needed in learning process. This study is expected to provide solution to the issues and confusion among the community including students regarding the concept of intention in Islamic education as well as selection of teachers and knowledge in learning. This study also will explore the other research related to Islamic education in the heritage of the Malay-Muslim community.

Article Progress
Received: 31 March 2021
Revised: 14 April 2021
Accepted: 28 April 2021

Keywords: Rules of conduct in learning; Islamic education curriculum, Teacher, *Tibyān al-Marām*, Manuscript studies

1. PENGENALAN

Dalam kehidupan manusia, ilmu merupakan aset yang amat berharga mengatasi harta dankekayaan. Dengan ilmu, harta dan kekayaan dapat diperolehi dengan mudah, malah kelebihan orang yang berilmu menurut Islam merangkumi dunia dan akhirat. Ilmu juga memangkin individu yang sempurna dan tamadun yang berjaya. Justeru, ilmu dan pemerolehannya menjadi perhatian serius para sarjana Islam sepanjang zaman, termasuk juga para sarjana Alam Melayu (Mohd Anuar, 2017; Wan Mohd Nor, 2019). Mereka bukan sahaja menggalakkan pengajaran dan pembelajaran ilmu pengetahuan, malah mereka turut menghasilkan pelbagai karya yang boleh dijadikan panduan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Harun *et.al.*, 2002; Siti Hawa, 2010). Antara perkara penting yang digarap oleh sarjana Alam Melayu ialah mengenai niat dalam belajar dan aspek pemilihan guru dan ilmu. Kedua-dua persoalan ini merupakan perkara asas dalam tradisi Pendidikan Islam Alam Melayu. Namun begitu, ia masih lagi mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat, khususnya tentang tujuan seseorang itu belajar. Kekeliruan ini bertambah serius dengan kemunculan beberapa faham asing yang menyempitkan tujuan belajar dan menjelaskan usaha tersebut adalah untuk tujuan material, gunaan dan kebanggaan. Begitu juga kekeliruan berlaku dalam aspek pemilihan guru dan ilmu yang tepat untuk dipelajari. Ia mengundang dilema dalam kalangan ibubapa ketika memilih institusi pendidikan sama ada formal atau tidak formal, walhal semua aspek ini amat penting kepada perkembangan pendidikan pelajar dan ia banyak mempengaruhi kejayaan mereka.

Oleh yang demikian, artikel ini menganalisis dua persoalan ini dalam salah satu karya khusus dan ekstensif tentang pendidikan Islam Alam Melayu, iaitu manuskrip MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Talabah*. Kitab ini amat unik untuk dikaji disebabkan keaslian dan keistimewaannya di samping dua persoalan tersebut belum pernah diketengahkan oleh mana-mana pengkaji pendidikan dalam manuskrip Melayu. Hanya kajian perihal ilmu dan adab dalam puisi Melayu serta pemikiran tokoh Alam Melayu abad ke-20 dan kontemporari sahaja yang ditemui seperti kajian Zurakintan & Che Ibrahim (2015) dan Rosnani (2010). Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pelajar tentang tujuan sebenar pendidikan Islam serta pemilihan guru dan ilmu untuk dipelajari.

Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang menggiatkan usaha untuk melakukan transformasi terhadap bidang pendidikan untuk meningkatkan kualiti pelajar selaras dengan perubahan pendidikan Abad ke-21 ini. Pihak KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 sebagai dasar kepada proses transformasi pendidikan. PPPM 2013-2025 ini menggariskan sebelas anjakan yang menjadi teras utama transformasi sistem pendidikan. Antaranya ialah anjakan ketiga, melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan mempunyai identiti nasional (KPM, 2013). Anjakan ini amat berkait rapat dengan nilai dan etika atau adab pelajar yang mana pelajar yang diharapkan ialah pelajar yang mempunyai asas moral yang kukuh dan keberanian membuat keputusan yang betul dan tepat. Atribut ini akan dikembangkan lagi pada peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, kajian terhadap kitab *Tibyān al-Marām* ini amat sesuai dijadikan panduan dan model kepada pelajar secara umumnya dan khususnya dalam memahami tujuan sebenar pembelajaran serta pemilihan guru dan ilmu yang tepat. Dengan memahami kedua-dua aspek ini, sistem pendidikan Islam diharapkan mampu meningkatkan kualiti dan kemenjadian pelajar yang mempunyai identiti sebenar masyarakat Melayu-Islam selaras dengan aspirasi PPPM 2013-2025.

2. PENGENALAN DAN ASPEK KODIKOLOGI MANUSKRIP MSS 2906(B)

Pada bahagian ini dikemukakan terlebih dahulu pengenalan ringkas dan beberapa aspek kodikologi kepada naskhah manuskrip yang dikaji. MSS 2906(B) kitab *Tibyān al-Marām* merupakan salah sebuah naskhah manuskrip genre sastera kitab yang membincangkan perihal ilmu, pendidikan, adab dan perkara yang berkaitan dengannya. Ia merupakan sebuah naskhah yang disimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), bersama-sama sekumpulan manuskrip yang diberi nombor panggilan MSS 2906. Dari aspek fizikal, naskhah MSS 2906 ini terdiri daripada 20 kuras berjahit namun tidak berkulit jilid dengan ketebalan 226 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis dengan menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjelaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*tre lune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1a agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan adalah kemas dan konsisten (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Secara umumnya, dakwat tulisan yang digunakan berwarna hitam dengan rubrikasi pada perkataan Melayu tertentu dan ayat berbahasa Arab. Tanda penyuaraan ayat bahasa Arab ada diberikan dan penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini. Tiada tanda kolasi yang dapat diperhatikan dalam manuskrip ini. Secara amnya, hampir kesemua jidar lembarannya tidak mempunyai glos dan catatan sampingan. Dari aspek kandungan pula, MSS2906 ini terdiri daripada tiga teks utama seperti berikut (PNM, 2003):

1. *Bab al-Adab* karangan Muntajib. [ff.1r-6r]. Ia merupakan terjemahan antara baris nazam berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mengenai adab menuntut ilmu. Karya ini lengkap dengan kolofon namun tidak dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.
2. *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. [ff.7v-93r]. Ia merupakan terjemahan dan ulasan teks *Talibah al-Talabah* karangan Muḥammad bin ‘Alī al-Kāshgharī (m.705/1305). Secara umumnya, ia ditulis dengan dakwat berwarna coklat dan hitam dengan tulisan yang kemas, menarik dan konsisten. Pada permulaan manuskrip terdapat iluminasi gaya Aceh berbentuk kubah yang dihiasi corak bermotif daun dengan tulisan رسول الله محمد dan الله berwarna merah dan hitam. Manuskrip ini terdiri daripada 87 folio bermula 7v. hingga 93r. dan setiap folio mempunyai dua bahagian (a – b). Setiap bahagian pula mengandungi lebih kurang 15 baris. Mengenai kandungan manuskrip ini, ia membincangkan perbahasan mengenai jalan-jalan ilmu dan bagaimana mengajarkan ilmu tersebut. Perbincangan ini dimuatkan dalam enam fasal termasuklah fasal mengenai hakikat ilmu, niat dalam menuntut ilmu, memilih ilmu dan perkara-perkara yang menambah dengan mengurangkan rezeki. Karya inilah yang menjadi fokus penulisan dalam artikel ini.
3. *Nihāyah al-Tadrīb* [ff.95v-226r]. Teks ini menazamkan karya berjudul *Ghāyah al-Taqrīb fi al-Fiqh al-Shāfi‘ī* karangan Abū Shujā‘ Alḥmad ibn al-Ḥusayn al-İṣfahānī (m.592/1196); sebuah teks fikah yang masyhur dalam mazhab Syafie. Karya ini juga ditambahkan dengan kolofon namun tidak dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.

Selain itu, dalam kumpulan manuskrip ini terdapat beberapa fragmen catatan mengenai lafadz azan dan iqamat [ff.226v-227r] dan jadual kiraan permulaan bulan Ramadan [ff.227v-228r] manakala dua folio berikutnya dibiarkan kosong. Tidak dijumpai pula catatan yang boleh mengaitkan siapakah penulis atau penyalin kepada naskhah MSS 2906 ini. Justeru, tidak dapat dipastikan identiti pengarang dan penyalin kesemua teks yang terdapat dalam manuskrip ini. Melalui pengamatan stail dan gaya tulisan kesemua teks tersebut juga mengunjurkan bahawa ianya

disalin oleh individu yang berbeza pada masa yang berbeza. Teks-teks tersebut kemudiannya dikumpulkan, disusun, dijahit dan dijilid dalam sebuah buku walaupun pada hari ini yang masih berbaki adalah jahitan jilidnya sahaja tanpa kulit (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Berdasarkan analisis tera air dan tanda kecil kertas yang dijumpai pada teks *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* pula, mengunjurkan bahawa ia disalin antara penghujung abad ke-18 atau awal abad ke-19 Masihi. Ini kerana, kertas *tre lune* dengan tulisan PG masih belum dapat dipastikan usianya. Namun menarik diperhatikan bahawa motif yang sama dengan tulisan PC pula dianggarkan penghasilannya bermula tahun 1785 dan berikutnya (Gori & Delamarter, 2014). Sebaliknya, penggunaan motif tersebut bersama dengan tulisan VG pada folio yang lain pula memberikan tempoh masa penghasilan kertas tersebut oleh syarikat Galvani di Itali antara 1760-an hingga tahun 1839 (Biddle, 2017). Dengan mengambil kira tempoh pergerakan kertas dari kilang ke pengguna yang merentasi benua ketika itu dan tempoh penggunaan kertas tersebut yang memakan masa sekitar 15-20 tahun (Deroche, 2006) adalah wajar untuk menganggarkan tarikh penyalinannya seperti yang telah dinyatakan di atas.

Manuskrip dan teks *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini asalnya merupakan sebuah terjemahan daripada karya berbahasa Arab karangan Imam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī al-Kāshgharī (m.705H) yang bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah*. Karya ini juga agak asing dan ia masih berstatus manuskrip serta belum lagi ditemui dalam penulisan para pengkaji pendidikan Islam kontemporari. Ia juga belum lagi dicetak walaupun para penulis biografi sarjana Islam seperti al-Zirkīlī dan juga al-Baghdādī menyenaraikannya sebagai salah satu karya sah beliau (al-Zirkīlī, 1999; al-Baghdādī, 1955). Di samping itu, agak menariknya, kitab ini juga mempunyai pengaruhnya yang tersendiri yang mana ia telah dihuraikan oleh Muḥammad bin Ziyād al-Shar‘abī (m.1135H) lebih kurang empat ratus tahun selepas terhasilnya kitab ini. Teks asal kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahannya oleh al-Shar‘abī dijadikan sumber kepada penulisan kitab *Tibyān al-Marām* ini dan ulasan tambahan daripada penterjemah menjadikan ia satu karya yang unik sesuai dengan tradisi dan amalan pendidikan Islam di Alam Melayu. Ia merupakan asas dan panduan kepada para pelajar terutamanya di Aceh Darussalam yang merupakan pusat keilmuan Islam pada ketika itu. Berdasarkan populariti dan kewibawaan karya ini ia kemudiannya diterjemahan kepada bahasa Melayu aksara Jawi oleh sarjana Aceh ketika itu dan menamakannya sebagai *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Mengenai hal ini, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan dengan katanya (f.8b-f.9a.):

أَمَّا بَعْدُ، فَلِمَا كَانَتْ طَلَبَةُ الْطَّلَبَةِ لِلإِمَامِ الْكَاشْغَرِيِّ كَثِيرًا الْفَوَائِدُ، وَرَأَيْتُ أَكْثَرَ طَلَابَ الْعِلْمِ
الْمُبْتَدِئِينَ الَّذِينَ لَا يَعْرِفُونَ لِسَانَ الْعَرَبِ، يَجْهَلُونَ شُرُوطَ الْعِلْمِ وَآدَابَهُ، ابْنَعُثُ قَلْبِي لِأَنَّ أَتْرَجَّحُهَا
لِيَنْتَفَعُونَ بِهَا مَعْتَمِدًا بِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الدَّالُ عَلَى الْخَيْرِ كَفَاعِلُهُ. وَبِحَدِيثِهِ
أَيْضًا: إِنَّ الدِّينَ النَّصِيْحَةَ، وَسَعْيَتِهِ مُتَرْجِحَتَهَا بِتَبْيَانِ الْمَرَامِ طَلَبَةُ الْطَّلَبَةِ بِلِسَانِ الْجَاوِيَّةِ.

Adapun kemudian dari itu; maka tatkala adalah kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* karangan bagi Imam Muhammad namanya; Kashghar nama negerinya; banyaklah segala faedah dalamnya; dan aku lihat akan yang kebanyakannya daripada segala orang yang menuntut ilmu yang *mubtadi’īn* mereka itu pada masa ini; segala mereka itu yang tiada mengetahui mereka itu akan bahasa Arab; hal keadaan mereka itu jahil mereka itu akan segala syarat ilmu dan akan segala adabnya; nescaya menerima bangkitlah hati ku bagi bahawa aku jurubahasakan dia dengan bahasa Jawi pada ghalibnya supaya beroleh manfaat mereka itu dengan dia; hal keadaan aku yang memegang dia dengan kata Nabi Rasul Allah *salla Allāh ‘alayh wa sallam al-dāl ilā ākhir* ertiinya: “Bermula orang yang menunjuk bagi kebajikan itu adalah ia seperti orang yang berbuat

dia pada membalaunya”; dan yang memegang pula dengan hadis *inna al-dīn ilā akhir* ertinya: “Bahawasanya agama; ertinya agama Islam itu iaitulah memberi nasihat”; dan aku namai akan yang dibahasakan daripadanya itu dengan *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah* ertinya: Menyatakan maksud kitab *Talibah* dengan bahasa Jawi.

Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan penulis ini jelas ia merupakan sebuah karya terjemahan daripada naskhah asal kitab *Talibah al-Talabah*. Adalah tidak diragui lagi bahawa teks asal kitab ini ialah karya al-Kāshgharī. Hal ini dibuktikan dengan rujukan silang yang dibuat oleh penulis melalui manuskrip *Talibah al-Talabah* menunjukkan keselarasan dan ketekalan teks, hanya beberapa perbezaan kecil sahaja yang tidak menjelaskan autoriti dan kesahan penisbahan teks kepada al-Kāshgharī. Setelah dirujuk dan dilihat lebih mendalam terjemahan yang dikemukakan oleh penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* pula ia juga merupakan terjemahan yang berwibawa dan ilmiah bukannya terjemahan bebas. Terjemahan yang dikemukakan ini juga bukan semata-mata terjemahan, malah penulis turut menambah komentar dan penjelasan lanjut kepada teks asal *Talibah al-Talabah*. Hal ini menjelaskan bahawa *Tibyān al-Marām* ini merupakan sebuah karya istimewa dan amat wajar dikaji lebih mendalam. Ia bukan sahaja semata-mata terjemahan daripada pemikiran sarjana Arab atau timur tengah, malah beberapa pemikiran dan isu lokal Alam Melayu juga diketengahkan dalam karya ini. Hal ini juga menjadikan manuskrip *Tibyān al-Marām* mendapat tempat dan dirujuk serta dinukilan oleh sarjana lain Alam Melayu dalam karya mereka, antaranya seperti *Bāb al-Adab*, *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* dan sebagainya. Untuk menghasilkan terjemahan dengan ulasan sebegini ia tentunya memerlukan fokus dan perhatian yang serius. Oleh sebab inilah, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* sendiri menyatakan bahawa untuk menyiapkan kitab ini beliau memerlukan masa sekurang-kurangnya dua tahun. Beliau menjelaskan (f.91b.):

تمت هذه المترجمة بلسان الجاوية غالب السودة المعلقة تحت حمرة أصلها العربية بعون الله الملك الوهاب.

Ertinya: “Kesempurnaan kitab ini yang dibahasakan dia dengan bahasa Jawi pada ghalibnya lagi yang dihitamkan dia lagi yang digantungkan dia di bawah merah asalnya yang bahasa Arab dengan tolong Allah iaitu Raja yang Amat Mengurniai”.

ولعل تسويدها في ستين تقربياً لأنني في شغل كثير غير هذا.

“Dan mudah-mudahan adalah dihitamkan dia dalam dua tahun lebih kurang kerana bahawasanya hamba dalam pekerjaan yang banyak yang lain daripada ini”.

Oleh yang demikian, artikel ini akan menganalisis sebahagian daripada kandungan manuskrip secara khususnya berkaitan dua persoalan penting dalam pendidikan Islam, iaitu persoalan niat dan tujuan serta ketepatan pemilihan guru dan ilmu dalam belajar. Aspek ini amat penting untuk dibincangkan menurut manuskrip Melayu kerana ia merupakan sumber utama dalam menganalisis pemikiran pendidikan Alam Melayu yang awal (Mohd Anuar, 2017). Aspek ini juga tidak banyak dikaji oleh para sarjana kontemporari di samping artikel ini akan membuka kepada banyak kajian dalam tema pendidikan Alam Melayu dan manuskrip *Tibyān al-Marām* secara khususnya.

3. PERSOALAN NIAT DAN PEMILIHAN GURU SERTA ILMU DALAM BELAJAR BERDASARKAN KITAB *TIBYĀN AL-MARĀM*

Sebagaimana yang disentuh pada awal artikel bahawa kitab *Tibyān al-Marām* merupakan salah satu kitab penting Alam Melayu yang membicarakan perihal pendidikan Islam. Dalam konteks perkembangan pendidikan Islam Alam Melayu, antara ciri utamanya ialah ia berteraskan konsep ilmu dalam Islam dan juga penekanan terhadap adab. Justeru, persoalan niat dan tujuan belajar serta ketepatan dalam pemilihan guru dan ilmu menjadi perkara utama yang diberi penekanan. Hal ini disebabkan perkara tersebut amat mempengaruhi kejayaan dan keberhasilan pelajar dalam menuntut ilmu. Hal inilah yang dapat diperhatikan menjadi pendorong utama kepada penulis kitab *Tibyān al-Marām* memilih dan mengusahakan terjemahan terhadap kitab *Talibah al-Talabah* ini. Mengenai hal ini penulis *Tibyān al-Marām* menyatakan dalam mukadimah karyanya (f.10b-11a):

العلم لما كان أعلى وسيلة وأنفس ذريعة إلى الله تعالى وإلى رضاه أردت أن أبين طريق العلم والتعليم.
لأنني رأيت كثيرا من طلاب العلم في زماننا يحرمون النشر والعمل به وذلك لأنهم أخطأوا طريقه وتركوا
شرائطه وكل من أخطأ الطريق وضل لا ينال المقصود قل أو جل.

Bermula ilmu itu tatkala adalah ia terlebih tinggi dan terlebih indah jalan kepada Allah Taala dan kepada keredaan-Nya, nescaya aku kehendak akan bahawasanya aku nyatakan akan jalan ilmu dan jalan mengajar akan dia; Kerana bahawasanya aku lihat akan beberapa manusia yang banyak daripada segala orang yang menuntut ilmu pada zaman kita ditegahkan akan mereka itu daripada menghambur mereka itu akan ilmu dan ditegahkan akan mereka itu daripada menghambur mereka itu mengambil mereka itu dengan dia iaitu buahnya dan yang dimaksudkan daripadanya. Bermula yang demikian itu kerana bahawasanya mereka itu tersalah mereka itu akan segala jalannya dan sesatlah ia dan kerana meninggal mereka itu akan segala syaratnya.

3.1 Niat yang tepat

Persoalan pertama dan terawal yang diberi perhatian dalam kitab *Tibyān al-Marām* ialah persoalan niat dalam belajar. Hal ini juga sebenarnya menjadi perhatian oleh semua para sarjana pendidikan Islam (Mohd Anuar, 2016). Justeru, atas kepentingan ini, penulis *Tibyān al-Marām* menyentuh persoalan niat dalam bab pertama kitab *Tibyān al-Marām*. Beliau seterusnya menekankan akan keperluan niat yang tepat semasa belajar memandangkan terdapat kepelbagaiannya tujuan dan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Pada pandangan beliau, niat utama dan yang paling asas dalam belajar ialah memperoleh reda Allah SWT di samping beberapa niat yang lain bersangkutan manfaat ukhrawi dan duniawi. Mengenai hal ini, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan (f.22b-23a):

فليينو المتعلم رضا الله تعالى والدار الآخرة وإزالة الجهل عنه وعن غيره وإحياء الدين وإبقاء الإسلام

Maka hendak berniatlah orang yang menuntut itu dengan tuntutnya akan ilmu, akan keredaan Allah Taala dan akan negeri akhirat dan akan menghilangkan bebal daripada dirinya dan daripada orang yang lainnya daripada segala orang yang bebal daripada barang siapa menanyai akan dia atau daripada barang siapa yang belajar daripadanya. Dan lagi bahawa berniat itu pula akan menghidupkan agama yang sebenar dengan dihamparkan ilmunya dan dengan meninggikan yang sebenar dan menolakkan yang batil dan akan mengekalkan akan agama Islam dengan barang yang tersebut itu.

Berdasarkan petikan teks di atas, jelas menunjukkan niat utama dalam belajar ialah untuk mencapai keredaan Allah Ta’ala. Niat ini merupakan perkara paling asas dalam apa jua tindakan manusia, lebih-lebih lagi hal-hal melibatkan ibadat khusus dan pemerolehan ilmu. Selain itu, tujuan belajar kedua pula ialah untuk memperoleh manfaat dan kebahagiaan di akhirat sebagai destinasi abadi umat manusia. Niat dan tujuan ini juga jelas kepentingannya dan ia selaras dengan kefahaman Islam terhadap dunia dan akhirat. Ketiga, tujuan belajar seterusnya ialah untuk menghilangkan kejahilan pada dirinya dan juga menyebarkan ilmu tersebut untuk menghapuskan kejahilan pada diri orang yang lain pula, iaitu dengan mengajar dan menyebarkan ilmu. Dengan usaha memperolehi dan menyampaikan ilmu ini akan menjamin ajaran Islam dapat difahami dan diamalkan oleh generasi terkemudian seterusnya menghidupkan agama yang sebenar serta menolak kebatilan.

Sebaliknya, penulis *Tibyān al-Marām* juga menjelaskan beberapa bentuk penyimpangan dalam belajar dan kekeliruan yang berlaku terutamanya berkaitan aspek niat ini. Penyimpangan ini amat serius kerana menatijahkan kesan yang buruk kepada pelajar dan seluruh institusi pendidikan Islam, juga yang paling bahaya ia mengundang kemurkaan daripada Allah SWT. Antara kesalahan niat dalam belajar adalah sebagaimana berikut (f.23b-24a.):

وَلَا يَنْوِي إِقْبَالُ النَّاسِ وَاسْتِجْلَابُ حَطَامِ الدُّنْيَا وَلَا الْكَرَامَةُ عِنْدَ السُّلْطَانِ وَغَيْرِهِ

Ertinya: “dan janganlah berniatlah oleh orang yang menuntut ilmu dengan menuntut dia akan berhadap segala manusia atasnya dan akan menghela ia akan segala mata benda dunia ia dan akan kemegahannya dan kemuliaannya pada raja-raja dan pada orang yang lainnya iaitu daripada segala orang yang mempunyai pangkat yang dibangsakan dia kepada dunia”.

Inilah beberapa kesalahan dalam tujuan belajar yang dapat diperhatikan oleh penulis. Beliau mengemukakan contoh penyimpangan niat dalam kitab *Tibyān al-Marām* ini agar dijadikan panduan dan iktibar kepada para pelajar. Contoh-contoh kekeliruan niat di atas jika diperhatikan masih berlebar dewasa ini, yang mana pendidikan dan ilmu pengetahuan dianggap sebagai bahan komoditi dan bertujuan meraih habuan material. Hal ini telah lama disedari bukan sahaja menurut perspektif Islam, malah perspektif Timur dan Barat yang mula membicarakan tentang ‘*diploma disease, de-colonialism and soulless education*’ (Wan Mohd Nor, 1998; 2017; Dzulkifli, 2017). Hasrat murni dan tujuan ilmu pengetahuan untuk mencapai reda Allah SWT di samping beberapa tujuan baik di atas semakin terhakis. Hal ini seterusnya menatijahkan kegagalan dalam sistem pendidikan dalam melahirkan manusia yang sempurna walaupun semakin hari semakin canggih teknologi dan pelbagai bahan bantu pengajaran diinovasikan.

3.2 Pemilihan Guru dan Ilmu yang tepat

Perkara kedua yang diberi penekanan oleh penulis *Tibyān al-Marām* ialah berkaitan isu pemilihan guru dan ilmu yang perlu dipelajari. Kedua-dua aspek ini amat penting kerana ia mempengaruhi perjalanan belajar seseorang dan menjamin mereka mencapai matlamat pendidikan Islam yang sebenar. Untuk menjamin pelajar memilih dengan tepat, khususnya perihal guru dan ilmu, penulis *Tibyān al-Marām* mencadangkan mereka perlu melakukan *istikhārah* dan *ishtishārah*. Hal ini disebabkan ia merupakan aspek yang penting dalam pembelajaran. Beliau menjelaskan hal ini dengan katanya (f.26a.):

وَيَنْبُغِي أَنْ يَشَارُوْرْ مِنْ يَخْشِي اللَّهَ تَعَالَى فِي اخْتِيَارِ الْأَسْتَاذِ وَالنَّوْعِ مِنَ الْعِلُومِ وَالْكِتَابِ فِي كُلِّ فَنٍ يَرِيدُهُ

Ertinya: “dan seyogia, ertinya dan sunat bahawa musyawarah ia akan orang yang takut akan Allah Taala pada memilihnya akan gurunya dan pada memilih ia akan suatu bagai daripada segala ilmu yang berbagai-bagai dan pada memilihnya segala

kitab”, kerana segala kitab bagi suatu baik ilmu itu tiada menerima hingga ia, padahal tiada beroleh penunjuk oleh orang yang menuntut ilmu kepada barang yang ia terlebih munasabah ia dengan halnya daripadanya melainkan dengan orang yang *rashīd*. “pada tiap-tiap bagi ilmu”. Setengah daripada segala bagi ilmu yang manfaatnya ia akan belajarnya fiqh ada ia, atau nahu, atau hadis hingga yang lain daripada yang demikian itu.

Berdasarkan petikan di atas, penulis *Tibyān al-Marām* jelas menekankan perihal pentingnya aspek pemilihan guru dan ilmu yang tepat dalam belajar. Kepentingan kedua-dua aspek tersebut menyebabkan beliau menyarankan supaya para pelajar melakukan *istikhārah* dan *ishtishārah* dalam pemilihannya. *Ishtishārah* bermaksud merujuk dan berbincang dengan pelbagai pihak yang bertanggungjawab dalam pembelajaran pelajar dan juga meminta pendapat daripada mereka yang dipercayai serta berautoriti. Manakala *istikhārah* pula dengan memohon doa dan petunjuk daripada Allah SWT supaya beroleh panduan dalam pemilihan yang tepat. Saranan penulis *Tibyān al-Marām* ini amat bertepatan dengan amalan Islam, Nabi SAW menggalakkan umat Islam melakukan *istikhārah* pada semua urusan penting mereka seperti sabda Baginda dalam hadith riwayat al-Tirmīdhī (no.480) dan Ibn Mājah (no.1383). Selain itu, Allah SWT dalam Surah al-Shūrā, ayat ke-38, juga menyarankan umat melakukan mesyuarat (*shūrā*) dalam setiap urusan penting, termasuklah perihal pendidikan dan pembelajaran.

Mengenai aspek pertama, iaitu pemilihan guru, antara kriteria utamanya ialah guru tersebut mestilah seorang yang mempunyai ilmu yang luas, yang paling alim, paling warak dan paling berumur. Hal ini menunjukkan penulis *Tibyān al-Marām* amat prihatin terhadap kematangan guru disebabkan guru merupakan sumber yang akan menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Guru yang mursyid mampu mendidik dan membawa pelajar mencapai matlamat dan memenuhi niat yang tepat sebagaimana adab pertama tadi. Mengenai hal ini, penulis *Tibyān al-Marām* menyatakan (f.29a):

ويختار الأستاذ الأعلم والأور والأسن

Ertinya: “dan seyogia bahawa memilih ia akan gurunya akan orang yang banyak ilmunya pada bagai ilmu yang dimaksudkan akan belajar dia dan yang banyak orang dan yang sangat tua pada umurnya”. Ertinya dan jika bersamaan dua orang atau lebih daripada keduanya pada ilmu itu, nescaya memilih akan yang banyak warak, dan jika bersamaan orang yang tersebut itu pada warak dan zuhud, nescaya memilih ia akan yang tua umurnya.

Petikan teks di atas jelas menunjukkan kepentingan dan sifat yang perlu ada bagi seseorang guru. Kualiti guru sebegini perlu wujud dan dipupuk dalam kalangan guru, khususnya guru yang menyampaikan ilmu agama. Penjelasan penulis *Tibyān al-Marām* ini bukan sahaja sebagai saranan kepada para pelajar dalam memilih guru, malah ia sepatutnya dijadikan atribut guru dan diterapkan dalam pembinaan etika professional guru.

Selain itu, aspek kedua yang juga penting ialah berkaitan pemilihan ilmu, kitab dan bidang yang perlu dipelajari oleh pelajar. Dalam istilah pendidikan semasa ia disebut sebagai ialah kurikulum pendidikan. Pemilihan aspek ini berkaitan dengan perbahasan epistemologi yang memberi pengaruh kepada susunan ilmu dan keutamaan dalam belajar. Aspek ini juga disentuh oleh penulis *Tibyān al-Marām*. Beliau menjelaskan bahawa (f.27a-29a):

فینبغي أن يختار من كل علم حسنة

Maka seyogialah bagi orang yang menuntut ilmu itu bahawa memilih ia daripada tiap-tiap ilmu daripada segala ilmu yang luas ia lagi yang memberi

manfaat ia yang ia menghabis akan umurnya kerana berlaut-laut pada tiap-tiap suatu daripadanya. Dan tiadalah seyogia bagi orang yang mengakal bahawa memaling ia kepada setengahnya dan bahawa benci ia akan yang lain daripadanya akan yang terlebih baik daripadanya,

كعلم التوحيد قد يدا

seperti ilmu tauhid yang qadim. Bermula dikehendak dengan dia itu ilmu usuluddin, tetapi ia terlebih dicita-cita daripada segala ilmu atas *iṭlāq* seperti ia terlebih afdal daripadanya dengan *muwāfaqah*. Bermula tauhid pada *lughah* itu diketahuikan dengan keesaan suatu dan dihukumkan dengan dia. Dan pada istilah itu diketahuikan dan hukumkan dengan bahawasanya Allah Taala itu esa pada zat-Nya dan pada segala sifatnya dan pada segala perbuatan-Nya.

وعلم الفقه والعربية بقدر ما يصلح لسانه

Dan seperti ilmu fiqh, maka iaitu masuklah ia dalam segala ilmu *ahammiyyah*, dan seperti ilmu ‘arabiyyah dan iaitu di simi ilmu nahu dengan sekira-kira membaik ia akan lidah orang yang menuntut ilmu itu. Ertinya sekira-kira sejahtera ia sertanya daripada parut *lahn* dan tersalah dan dengan sekira-kira mengenal ia akan bahasa Arab.

Berdasarkan teks di atas, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan perihal pemilihan ilmu dan jenis-jenisnya yang perlu dipelajari dan diberi keutamaan oleh para pelajar. Menurut Mohd Anuar & Che’ Razi (2020), kitab *Tibyān al-Marām* ini mengemukakan empat pembahagian utama ilmu untuk dijadikan asas dalam pemilihannya dalam belajar. Ia merangkumi ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah (seperti Akidah, Fiqh dan Tasawuf), ilmu yang perlu diketahui dan dipelajari dengan kadar tertentu sahaja (seperti ilmu falak atau ilmu bintang dan ilmu bahasa), ilmu yang dipelajari berasaskan sumbernya (ilmu *naqlī* dan ilmu ‘*aqlī*) untuk tujuan perluasan penguasaan ilmu dan kategori yang terakhir pula ialah ilmu yang perlu dijauhi dan dielakkan.

Mengenai pembahagian ilmu yang terakhir ini penulis *Tibyān al-Marām* menyatakan antara ilmu dalam kategori ini ialah seperti ilmu sihir, ilmu nujum (melebihi kadarnya manfaat) dan juga ilmu perdebatan yang membawa pertelingkahan, bukannya untuk mencari kebenaran. Kategori ilmu ini juga bukanlah asing dalam perbincangan epistemologi dan kurikulum pendidikan Islam. Menurut para sarjana lain, kategori ilmu ini juga dikenali dengan pelbagai istilah, antaranya ilmu yang haram dipelajari, ilmu yang tercela, ilmu yang ditegah dan ilmu yang tidak memberi manfaat, malah membawa mudarat kepada agama dan kehidupan dunia (Mohd Anuar & Che’ Razi, 2020). Mengenai kategori ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan (f.29a):

ويجتنب علم جدال فإنه يضيع العمر ويورث الوحشة والعداوة وارتفاع العلم.

Ertinya: “dan seyogia bahawa menjauh oleh orang yang menuntut ilmu itu akan ilmu *Jidāl*. Maka bahawasanya mensia-sia ia akan umurnya dan mempusakai akan berbenci-bencian dan akan berseteru-seterunya dan lagi mempusakai akan hilang ilmu daripada yang mempunyai dia”.

Demikianlah merupakan dua perkara utama yang diberi penekanan dan perhatian oleh kitab *Tibyān al-Marām*. Kedua-dua perkara ini amat penting untuk menjamin matlamat pendidikan Islam dapat dicapai dengan sempurna. Niat yang tepat, tulus dan ikhlas dalam belajar merupakan perkara paling utama dalam belajar, tanpa aspek ini pendidikan Islam tidak akan berjaya dalam mendidik insan mencapai matlamatnya yang sebenar. Begitu juga dengan aspek pemilihan guru, ilmu dan kitab turut mempengaruhi keberhasilan pendidikan Islam dan kemenjadian pelajar. Guru yang

mursyid mampu membimbing pelajar ke arah perkembangan ilmiah yang sebenar, di samping ilmu yang dipelajari berteraskan epistemologi Islam akan memangkin semangat dan keteguhan pelajar dalam menghadapi pelbagai mehnah dan tribulasi abad ke-21 ini.

4. PERBINCANGAN

Persoalan niat dan pemilihan guru dan ilmu yang tepat dalam belajar merupakan antara aspek terpenting dalam perbincangan pendidikan Islam. Ia menjadi salah satu subtopik yang banyak diberi perhatian oleh sarjana Islam dan mereka menghasilkan pelbagai karya dalam genre *adab al-‘ālim wa al-muta’allim* (Yahyā, 2003). Hal yang sama juga dapat dilihat dalam tradisi penulisan Alam Melayu, yang mana terdapat pelbagai karya yang membincangkan tentang pendidikan (Mohd Anuar, 2017) dan juga secara khususnya tentang persoalan adab dalam belajar. Namun, agak menarik dikemukakan di sini bahawa MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām* ini merupakan kitab yang paling ekstensif berkaitan persoalan ini dan perkara pertama yang diberi perhatian khusus oleh penulisnya ialah tentang persoalan niat, guru dan ilmu yang tepat dalam belajar. Ketiga-tiga aspek ini amat penting kepada seseorang pelajar dan juga guru semasa mengikuti sistem pendidikan supaya matlamat pendidikan Islam dapat direalisasi dengan baik.

Berdasarkan analisis kandungan yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan niat utama dalam belajar ialah untuk mencapai keredaan Allah Ta’ala. Dalam Islam dan sistem pendidikan Islam, niat merupakan perkara paling asas dalam apa jua tindakan manusia, lebih-lebih lagi hal-hal melibatkan ibadat khusus dan pemerolehan ilmu. Ia secara umumnya disepakati oleh semua sarjana Islam dan sebahagiannya menyatakan tujuan ini semasa memerihalkan kepentingan ikhlas dalam menuntut ilmu. Niat yang tulus ikhlas dan hanya mencapai reda Allah dalam belajar adalah disepakati oleh semua sarjana Islam termasuklah Imam Abū Ḥanīfah, al-Zarnūjī, al-Ghazālī, Ibn al-Jawzī dan juga Ibn Jamā’ah (Mohd Anuar, 2016; Yahyā, 2003). Ia kelihatan mudah dan senang difahami, namun hakikatnya amat mencabar untuk dilaksanakan lebih-lebih lagi dewasa ini timbul pelbagai faham yang menyelinap masuk ke dalam falsafah Pendidikan Islam yang melihat pendidikan dan ilmu sebagai komoditi dan tujuan perolehannya untuk habuan keduniaan.

Selain itu, tujuan belajar yang lain pula ialah untuk memperoleh manfaat dan kebahagiaan di akhirat sebagai destinasi abadi umat manusia. Niat dan tujuan ini juga jelas kepentingannya dan ia selaras dengan kefahaman Islam terhadap dunia dan akhirat, yang mana secara jelas al-Quran menyebut bahawa akhirat itu lebih utama daripada kehidupan dunia seperti Surah al-Duhā, ayat ke-4. Selepas itu, tujuan belajar seterusnya ialah untuk menghilangkan kejahilan pada dirinya dan juga menyebarkan ilmu tersebut untuk menghapuskan kejahilan pada diri orang yang lain pula, iaitu dengan mengajar dan menyebarkan ilmu. Dengan usaha memperolehi dan menyampaikan ilmu ini akan menjamin ajaran Islam dapat difahami dan diamalkan oleh generasi terkemudian seterusnya menghidupkan agama yang sebenar serta menolak kebatilan. Kesemua yang dikemukakan oleh penulis kitab *Tibyān al-Marām* ini amat selaras dengan tradisi dan adab belajar menurut para sarjana Islam sebelum ini (Mohd Anuar, 2016; Yahyā, 2003).

Persoalan kedua yang dianalisis dalam kitab *Tibyān al-Marām* ialah berkaitan pemilihan ilmu dan guru. *Tibyān al-Marām* secara jelas menunjukkan pentingnya guru dalam belajar dan sifat yang perlu pada mereka serta ilmu yang sepatutnya dipelajari. Kualiti guru yang dikemukakan dalam kitab *Tibyān al-Marām* ini perlu wujud dan dipupuk dalam kalangan guru, khususnya guru yang menyampaikan ilmu agama. Penjelasan penulis *Tibyān al-Marām* ini bukan sahaja sebagai saranan kepada para pelajar dalam memilih guru, malah ia sepatutnya dijadikan atribut guru dan diterapkan dalam pembinaan etika professional guru. Hal ini selaras dengan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan profesi perguruan di Malaysia dengan memperkenalkan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) yang memberi penekanan kepada dimensi kompetensi dan etika keguruan (BPG, 2019; Mohd Anuar, 2018). Berkenaan keperluan dan pembahagian ilmu yang perlu dipelajari pula, ia sepatutnya menjadi asas

kepada pembinaan struktur kurikulum pendidikan Islam, sama ada pada peringkat menengah dan juga pengajian tinggi. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah, Bersepadu dan Holistik di peringkat Sekolah Menengah dan juga wacana Integrasi serta Islamisasi Ilmu di peringkat Universiti harus bertitik tolak daripada epistemologi ilmu sebagaimana dasarnya telah dikemukakan dalam MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām* ini (Mohd Anuar & Che' Razi, 2020).

5. KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa persoalan niat dan pemilihan guru dan ilmu yang tepat dalam belajar merupakan aspek terpenting pendidikan Islam dan ia banyak diberi perhatian oleh sarjana Islam khususnya penulisan genre *adab al-‘ālim wa al-muta‘allim*. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam tradisi penulisan Alam Melayu, yang mana terdapat pelbagai karya yang membincangkan tentang adab dalam pendidikan yang memberi perhatian khusus terhadap persoalan niat, guru dan ilmu yang tepat dalam belajar. Antaranya ialah manuskrip Melayu terpenting mengenai pendidikan Islam, iaitu MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. Walaupun asalnya karya ini merupakan karya terjemahan, namun aspek lokaliti tetap diterapkan dalam huraianya menjadikan karya ini sebuah karya ekstensif pendidikan Islam yang unik. Dalam artikel ini, hanya dua perkara utama yang diketengahkan. Kedua-dua perkara ini merupakan adab yang paling penting dan mesti diberi perhatian dalam belajar untuk menjamin matlamat pendidikan Islam dapat dicapai dengan sempurna. Niat yang tepat, tulus dan ikhlas dalam belajar demi menggapai reda Allah SWT sepatutnya dijadikan matlamat tertinggi dalam usaha pendidikan. Tanpa penekanan terhadap aspek ini pendidikan Islam tidak akan berjaya dalam mendidik insan mencapai matlamatnya yang sebenar. Begitu juga dengan aspek pemilihan guru, ilmu dan kitab turut mempengaruhi keberhasilan pendidikan Islam dan kemenjadian pelajar. Guru yang mursyid mampu membimbang pelajar ke arah perkembangan ilmiah yang sebenar dan mempunyai akhlak yang terpuji. Perkara inilah yang dahulunya menjadi pegangan dan panduan kepada para pelajar di institusi Pendidikan Islam Alam Melayu yang menjadi teras kepada lahirnya pelbagai tokoh dan ilmuwan yang terkemuka seterusnya memangkin kecemerlangan tamadun Melayu.

6. PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- A.L. Tibawi. (1972). *Islamic Education: Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems*, London: Luzac & Company Ltd
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī, Muhammad bin Muḥammad. (1999). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muḥammad Sayyid, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth.
- Al-Bazārī, Ismā‘īl bin ‘Uthmān bin Bakr bin Yūsuf. (t.t.). *Tafsīr al-Mutafahhim Sharh Ta‘līm al-Muta‘allim*. Daghastan: Dār al-Risālah.
- Al-Tirmīdhī, Muḥammad bin ‘Isā. (1996). *Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. Ed. Al-Albānī. Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. (1986). *Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta‘allum*, ed. Muṣṭafā ‘Āshūr, Kaherah: Būlāq.
- Anonim. *Bab al-Adab*. (MSS2906A). Kuala Lumpur: PNM.

- Anonim. *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. (MSS2906B). Kuala Lumpur: PNM.
- Bahagian Profesionalism Guru. (2019). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Biddle, Michaelle (2017). “New Strategies in Using Watermarks to date Sub-Saharan Islamic Manuscripts”, dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*. ed. Andrea Brigaglia & Mauro Nobili, Berlin: de Gruyter.
- Deroche, Francois, et.al. (2006). *Islamic codicology: an introduction to the study of manuscripts in Arabic script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Gori, Alessandro, Regourd, A., Brown, J.R. & Delamarter, S. A. (2014), *Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition*, Oregon: Pickwick Publications.
- Harun Mat Piah, et.al. (2010). *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Ibrāhim Bin Ahmād. (t.t.). *Tadhkīrah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fi Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn, Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyah li al-Kitāb.
- Ibn al-Jawzī. (1992). *Laffat al-kabad fi naṣīhat al-walad*, ed. Ashraf bin 'Abd al-Maqṣūd. Isma'iliyyah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd. (1996). *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*. Ed. Al-Albānī. Riyad: Maktabah al-Ma’ārif.
- Ismā‘il Bāshā al-Baghdādī. (1955). *Hadiyyah al-‘Arifīn: Asmā‘ al-Mu’allaftīn wa Āthār al-Muṣannafīn*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khayr al-Dīn al-Zirkilī. (1999). *al-A‘lām*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- M.Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat. (2018). *Bab al-adab* (MSS2906A): Analisis dan transliterasi beranotasi sebuah nazam mengenai adab belajar. *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 132-152.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. (2016). "Peranan Ulama dalam Pembangunan Keintelektualan Melayu: Perspektif Sosio-Sejarah", kertas kerja *Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa: Menyingkap Perjuangan Bangsa*. Shah Alam: UiTM, (8-10 Nov2016), h. 1-22.
- Mohd Anuar Mamat & Che' Razi Jusoh. (2020). “Konsep Asas dan Pembahagian Ilmu Menurut Manuskrip Melayu: Suatu Penelitian terhadap MSS 2906(B) *Tibyān al-Marām*”, AFKAR, isu khas (2), h. 1-44.
- Mohd Anuar Mamat. (2016). *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-‘Alim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.

Mohd Anuar Mamat. (2017). “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, bil.15, h. 66-88.

Mohd Asmadi Yakob. (2018). *Keintelektualan Melayu dalam manuskrip dan kitab jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perpustakaan Negara Malaysia. (2003). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga*, Kuala Lumpur: PNM.

Rosnani Hashim. (2010). *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago*. Kuala Lumpur: The Other Press.

Sebastian Gunther. (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill, 2005.

Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur, ITNM.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*, Kuala Lumpur: ISTAC.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2017). *Peranan Universiti: Pengislaman Ilmu Semasa, Penafibaratan dan Penafijajahan*. Kuala Lumpur: CASIS.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: CASIS.

Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2002). “Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Islam: Suatu Analisis Karya al-Zarnuji”. *AFKAR*, 3 (1), h. 155-175.

Yahyā Ḥasan ‘Alī Murād. (2003). *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*, Beirut: Dar ak-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). “Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional” *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3 (2), 121-129.